

Mahkamah beri Najib amaran tegas

Tindakan muat naik hantaran di FB serang Zeti

Oleh Farah Marshita
Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi di sini, semalam mengeluarkan amaran tegas kepada Datuk Seri Najib Razak supaya tidak mengulangi tindakannya memuat naik hantaran di Facebook (FB) membabitkan kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dihadapinya.

Hakim Collin Lawrence Sequerah mengeluarkan arahan itu selepas mendengar hujahan peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib dan Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib berhubung tindakan Najib memuat naik hantaran di FB miliknya membabitkan bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Sequerah dalam penghakimannya berkata, tertuduh (Na-

jib) tidak boleh mengeluarkan sebarang kenyataan seolah-olah perbicaraan dilakukan di domain awam, malah tiada sebarang kenyataan dibuat atau dikeluarkan membabitkan kes itu.

Katanya, kenyataan dikeluarkan tertuduh secara keseluruhannya dilihat sebagai serangan kepada saksi pendakwaan.

“Pihak pendakwaan hanya memohon mahkamah mengeluarkan amaran terhadap tertuduh, sehubungan itu mahkamah mengeluarkan amaran tegas supaya tertuduh tidak mengulangi tindakan itu,” katanya.

Sequerah berkata, mahkamah akan mengambil tindakan sewajarnya bagi memelihara integriti mahkamah.

Selasa lalu, perbicaraan kes 1MDB yang bersidang semula pada hari pertama 2021, bermula tegang apabila pihak pendakwaan memohon Mahkamah Tinggi mengeluarkan amaran tegas terhadap Najib berhubung hantaran di FB miliknya, 29 Disember lalu.

Bagaimanapun, Muhammad Shafee memberitahu mahkamah beliau akan mengemukakan hujahan berhubung perkara itu hari ini (semalam) memandangkan pihaknya hanya dimaklumkan



Najib Razak

pada Selasa pagi.

Terdahulu, Muhammad Shafee berhujah hantaran dibuat anaknya adalah respon kepada kenyataan Zeti dalam dua artikel yang diterbitkan secara dalam talian.

Ahmad Akram bagaimanapun, berhujah Zeti disenaraikan sebagai saksi ke-26 pendakwaan dan perkara itu dimaklumkan kepada mahkamah sejak 2019.

Katanya, tertuduh mengetahui Zeti adalah saksi pendakwaan dan menyerang kredibiliti serta karakternya.

“Objektif dan niat tertuduh adalah jelas, beliau mahu menunjukkan Zeti adalah saksi yang tidak boleh dipercayai sebelum memberi keterangan,” katanya.

Najib, 67, didakwa atas empat tuduhan menyalahgunakan kedudukannya untuk memperoleh rasuah berjumlah RM2.3 bilion daripada dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah sama.

Sebelum ini, kes 1MDB ditangguhkan empat bulan akibat COVID-19, bagaimanapun perbicaraan disambung dengan mendengar keterangan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Mohd Hazem Abd Rahman, 47.

Perbicaraan bersambung 8 Februari ini.